

Tarian

Tarian di Sarawak



Ngajat

- Ditarikan oleh kaum Iban dan Orang Ulu sebagai penaik semangat para pejuang yang hendak pergi berperang.
- Terdapat tarian Ngajat Indu dan Ngajat Lesung.



Tarian Datun Julud

- Menjadi lambang kesyukuran dan kegembiraan kepada Orang Ulu. Penari wanita memakai pakaian berwarna-warni dengan perhiasan di kepala sambil memegang bulu burung kenyalang serta diiringi alat muzik, iaitu sape.



Bermukun

- Merupakan acara bergendang yang ditarikan oleh kaum Melayu semasa majlis perkahwinan.
- Gendang akan dipalu oleh wanita sambil berpantun dan golongan lelaki akan menari.

Tarian di Sabah



Sumazau

- Ditarikan oleh kaum Kadazandusun semasa Pesta Kaamatan dan majlis keramaian.
- Sumazau berasal perkataan sazau bermaksud pergerakan tangan penari seperti burung helang.



Magunatip

- Ditarikan oleh kaum Murut semasa majlis keramaian.
- Ditarikan dengan menggunakan dua batang buluh.



Limbai

- Ditarikan secara berpasangan oleh kaum Bajau/Sama semasa majlis perkahwinan dan majlis keramaian.
- Penari akan memakai sarimpak (hiasan kepala).